



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra bersama vendor-vendor bumiputera dalam majlis Penghargaan Agenda Pemerkasaan Bumiputera di Hotel Pullman, Bangsar, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

Carve Out and Compete perkasa syarikat bumiputera

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Dasar *Carve Out and Compete* yang diperkenalkan kerajaan berjaya menghapuskan mitos tanggapan syarikat bumiputera yang tertanggung menjalankan projek dan menelan perbelanjaan tinggi sebaliknya mewujudkan syarikat berdaya maju dan kompeten.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau mahu semua syarikat bumiputera disangkal daripada tuduhan berkenaan.

Malah, katanya, syarikat bumiputera ini berjaya membuktikan perkara ini menerusi projek transit aliran massa (MRT) fasa pertama dengan menyiapkan projek lebih awal dari jadual dan lebih rendah kos yang dianggarkan.

“Syaratnya adalah kita perlu

beri kepada syarikat yang betul. Oleh sebab itu, kita punya kaedah, mesti ada tender dalam kalangan syarikat bumiputera yang layak dan mereka diberikan markah ia itu dalam tawaran kewangan dan kedua, penilaian teknikal.

“Ada kala kedua-duanya ditawarkan terlalu rendah, tidak munasabah dan kita tidak bagi (projek) atau skor teknikal terlalu rendah pun kita tidak bagi

Tetapi jika ada penilaian telus, saya sebagai pengerusi jawatankuasa tender sendiri pun tidak tahu tentang pemilihan itu. Itu peringkat ketelusan yang kita jalankan,” katanya dalam majlis Penghargaan Agenda Pemerkasaan Bumiputera di Hotel Pullman Bangsar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Ko-

munikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak; Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd., Tan Sri Azman Mokhtar dan Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia Bhd., Datuk Seri Shazalli Ramly.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil daripada 10 vendor bumiputera terbaik bagi syarikat berkaitan kerajaan terpilih (G20) atas sumbangan dan pencapaian agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera.

Najib berkata, apabila negara mempunyai sistem dan kaedah sebegini, sekali gus berjaya membuktikan syarikat bumiputera juga boleh bersaing dan berjaya di peringkat domestik serta antarabangsa.